

اللطيفة

لِلْعَالَمِ الْعَلَامَةِ الْعَارِفِ بِاللَّهِ سَيِّدِي الشَّيْخِ مُحَمَّدِ الْهَاشِمِيِّ قَدَّسَ اللَّهُ سِرَّهُ

Al-Alim Al-Alamah Al-Arif Billah Sidi Syekh Muhammad al-Hasyimi
Qaddasallahu Sirruhu

Dijazahkan oleh:

السَّيِّدِ مُحَمَّدِ نَبِيِّ بَكْرِيِّ بْنِ مَتِّ الْاَزْهَرِيِّ السَّيِّدِ الشَّازِلِيِّ

Syekh Dr. Nik Bakri bin Nik Mat Al-Azhari Asy-Syazili

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ.

Maksudnya: Allah yang Maha Lembut kepada hambaNya, Dia memberi rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dia yang Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

يَا لَطِيفُ ﴿ ۱۰۰۰ / ۱۰۰۰ ﴾ مرات

Wahai Allah yang Maha Halus lagi Maha Lembut. (100 kali/1000 kali)

يَا لَطِيفًا بِخَلْقِهِ، يَا عَلِيمًا بِخَلْقِهِ، يَا خَيْرًا بِخَلْقِهِ،

الطُّفُ بِنَا، يَا لَطِيفُ يَا عَلِيمُ يَا خَيْرُ ﴿ ۳ ﴾ مرات

Wahai Tuhan yang berlembut dengan hambaNya, amat mengetahui hambaNya, amat arif dengan hambaNya berlembutlah dengan kami Wahai Tuhan Yang Maha Berlemah-Lembut, Maha Mengetahui dan Maha Bijak. (3 kali)

يَا لَطِيفًا لَمْ يَزَلْ الطُّفُ بِنَا فِيمَا نَزَلْ إِنَّكَ لَطِيفٌ لَمْ

تَزَلْ الطُّفُ بِنَا وَالْمُسْلِمِينَ. ﴿ ۳ ﴾ مرات

Wahai Tuhan yang tidak putus sifat kelembutanNya, berlembutlah dengan kami apa yang turun (dari taqdir). Sesungguhnya Engkau bersifat lembut sentiasa, berlembutlah dengan kami dan sekalian muslimin. (3 kali)

اللَّهُمَّ يَا مَنْ لَطَفْتَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَلَطَفْتَ بِالْأَجِنَّةِ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِهَا أَلْطَفَ بِنَا لُطْفًا
يَلِيقُ بِكَرَمِكَ وَرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ يَا اللَّهُ،

Ya Allah, wahai Tuhan yang telah berlaku lembut dalam penciptaan langit dan bumi, dan telah berlaku lembut kepada janin di dalam perut ibu mereka. Berlaku lembutlah kepada kami dengan kelembutan yang layak dengan kemurahan dan rahmat-Mu, wahai Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihi, wahai Allah.

اللَّهُمَّ يَا مَنْ جَعَلْتَ الصَّلَاةَ عَلَى النَّبِيِّ مِنَ الْقُرْبَاتِ
نَتَقَرَّبُ إِلَيْكَ بِكُلِّ الصَّلَاةِ صُلِّيتُ عَلَيْهِ مِنْ أَوَّلِ
النَّشْأَةِ إِلَى نَهَايَةِ مِنَ الْكَمَالَاتِ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang telah menjadikan selawat ke atas Nabi ﷺ sebagai salah satu cara mendekatkan diri, kami mendekatkan diri kepada-Mu dengan setiap selawat yang telah disampaikan ke atasnya, dari awal penciptaan hingga ke penghujung kesempurnaan.

اللَّهُمَّ يَا مَنْ جَعَلْتَ الصَّلَاةَ عَلَى النَّبِيِّ مِنَ الْقُرْبَاتِ
نَتَقَرَّبُ إِلَيْكَ بِكُلِّ الصَّلَاةِ صُلِّتْ عَلَيْهِ مِنْ أَوَّلِ
النَّشْأَةِ إِلَى نِهَايَةِ مِنَ الْكَمَالَاتِ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang telah menjadikan selawat ke atas Nabi ﷺ sebagai salah satu cara mendekatkan diri, kami mendekatkan diri kepada-Mu dengan setiap selawat yang telah disampaikan ke atasnya, dari awal penciptaan hingga ke penghujung kesempurnaan.

بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَسُوقُ الْخَيْرَ إِلَّا اللَّهُ.

Dengan nama Allah, apa sahaja yang dikehendaki Allah, tiada yang mengarahkan kepada kebaikan kecuali Allah.

بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَصْرِفُ السُّوءَ إِلَّا اللَّهُ.

Dengan nama Allah, apa sahaja yang dikehendaki Allah, tiada yang dapat mengalihkan daripada kejahatan melainkan Allah.

بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ.

Dengan nama Allah, apa sahaja yang dikehendaki Allah, apa sahaja nikmat yang dimiliki maka semuanya daripada Allah.

بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ لِحَوْلِ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

﴿ ۳ مرات ﴾

Dengan nama Allah, apa sahaja yang dikehendaki Allah, tiada daya (menolak maksiat) dan kekuatan (melakukan ketaatan) melainkan dengan (bantuan) Allah. (3 kali)

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ.

Limpahkanlah rahmatMu ya Allah ke atas junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, ke atas keluarga Baginda ﷺ dan para sahabat dengan salam kesejahteraan yang sebanyak-banyaknya.

PENGAJIAN ONLINE

HIDUP BERTAUHID: TAUHID CINTA PARA 'ARIFIN



BERSAMA:
SYEIKH DR. NIK BAKRI BIN NIK MAT ASY-SYAZILI